



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA



MAY 2024

**INFO 83<sup>rd</sup> ISSUE**

# KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2<sup>nd</sup> International Conference  
On Innovative Sciences &  
Technologies For Research &  
Education (InnoSTRE)

ReQasari Art Exhibition  
17<sup>th</sup> Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:  
Profesor Datuk Teknologis  
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor



Building Bridges Through International  
Mobility: A Joint Program between  
UiTM & Mulawarman University  
Indonesia

## Program Pembangunan Komuniti Melalui Eko Pelancongan Dan Keusahawanan Kawasan Tellian Mukah: Kesedaran Dan Kesediaan Komuniti

Disediakan oleh

Ahmad Faisal Mahdi, Agnes Kanyan, Siti Farah Lajim dan Noor Emma Shamsuddin

Pada 21 dan 22 Januari 2022 bertempat di Dewan Serbaguna Tellian Mukah, UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat N.57 Tellian telah menganjurkan Program Pembangunan Komuniti Melalui Eko Pelancongan dan Keusahawanan Kawasan Tellian, Mukah. Program ini dilaksanakan selama dua hari dengan memfokuskan pada kesedaran dan kesediaan komuniti dengan objektif untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran usahawan sebagai persediaan untuk menaik taraf perniagaan daripada penaja kepada pemilikan tunggal.

Program pada hari pertama telah dirasmikan oleh Encik Royston Valentine, wakil rakyat DUN Tellian N.57, yang turut dihadiri agensi-agensi kerajaan seperti Pejabat Daerah Mukah, Majlis Daerah Dalat dan Mukah (MDDM), dan MARDI. Majlis juga turut disertai oleh ketua-ketua masyarakat, penyelaras projek dan para peserta yang terdiri daripada penduduk Kampung Tellian. Seramai 62 orang peserta telah dipilih untuk mengikuti program ini yang terdiri daripada penduduk kawasan Tellian. Selain itu, mereka juga amat digalakkan untuk meneruskan penyertaan dalam 5 program yang lain di mana program pembangunan komuniti ini akan berlangsung selama 2 tahun.

Lima orang penceramah jemputan dari kalangan pensyarah UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah, wakil-wakil agensi kerajaan dan usahawan alumni UiTM telah terlibat menyempurnakan pengisian program. Hasil daripada bimbingan penceramah-penceramah yang berpengalaman ini, para peserta telah memperolehi pelbagai manfaat seperti pengetahuan berkenaan pendaftaran perniagaan, pendedahan tentang asas keusahawanan, pemasaran, operasi dan juga penggunaan aplikasi Gooimo yang dibangunkan untuk kegunaan bersama setelah tamat keseluruhan program Pembangunan Komuniti Melalui Eko Pelancongan dan Keusahawanan ini.

